

Sinergi Wakaf, Pendidikan dan Teknologi di Malaysia *The Synergy of Waqf, Education and Technology in Malaysia*

Mohd Faizal Noor bin Ariffin, Mohammad Zaini bin Yahaya ✉, Abdul Basir bin Mohamad, Amir Fazlim bin Jusoh Yusoff

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kemajuan sains dan teknologi mencetuskan evolusi gaya hidup yang moden serta pantas. Setiap aspek kehidupan menerima impak dari fenomena tersebut termasuk pendidikan. Pendidikan kini berasimilasi dengan teknologi. Pembelajaran dalam talian, penggunaan internet dan media sosial antara senario baharu dalam pendidikan terutama selepas pandemik Covid-19 melanda. Persediaan rapi diperlukan dari segenap sudut sama ada fizikal, mental, spiritual, sosial, material dan sebagainya. Persiapan meliputi faktor manusiawi serta kebendaan seperti infrastruktur, dana, perisian komputer dan sebagainya. Kewangan yang besar dan mapan juga sangat genting. Dana daripada pelbagai sumber wajar diusahakan dan antaranya ialah wakaf. Artikel ini bertujuan mengkaji kebolehlaksanaan wakaf untuk peringkat sekolah di Malaysia sebagai instrumen kewangan sekunder selain peruntukan kerajaan terutama bagi membiayai pendidikan berasaskan teknologi semasa. Wakaf ini bersifat alternatif dan pelengkap, bukan sebagai pencabar atau pesaing status quo. Penulisan ini berbentuk kualitatif. Kutipan data menggunakan analisis dokumen dengan meneliti bahan ilmiah dalam pelbagai bentuk yang relevan. Data dianalisis secara deskriptif dan induktif. Hasil kajian mendapati wujud beberapa kekangan bagi pelaksanaan namun masih ada ruang yang boleh dimanfaatkan untuk memperluaskan wakaf pendidikan sebagai satu momentum baru kewangan sokongan ke arah memajukan lagi bidang pendidikan seiring perubahan zaman. Semua pihak wajar berkolaborasi secara konstruktif bagi merealisasikan misi ini terutama di era Pendidikan Abad Ke-21.

KATA KUNCI

Wakaf pendidikan, Pendidikan Abad Ke-21, pendidikan digital, teknologi pendidikan

ABSTRACT

The era of science and technology triggers the evolution of fast and modern lifestyle. Every aspects of life get impact from that phenomenon including education. Education in the new millennium assimilates with the use of technology. On-line learning, the using of internet and social media among the new situation happens in the current education style particularly during the time of pandemic Covid-19. It is important to prepare and equip neatly from all angles including physical, mental, spiritual, social, material and so on. It means the readiness is not only regarding human factors but covers infrastructures, fund, computer software and others. It is very crucial to have huge and sustainable financial sources. Hence, effort must be done in order to get stable funds from various resources including waqaf. This article aims to review the feasibility of waqaf for schools as a secondary financial instrument besides government allocation particularly in funding current technology based education. This fund is an alternative and complementary not as challenger or competitor to the status quo. This is qualitative research. Data are collected using document analysis by reviewing related academic writings. The obtained data are analyzed descriptively and inductively. Result shows there are constrains and spaces to implement education waqaf in Malaysia as a new momentum of supportive fund to enhance education in line with changes. Stakeholders must constructively unite to realize that aspiration particularly in the time of 21st Century Education.

KEYWORDS

Education waqaf, 21st Century Education, digital education, technology of education

Article History

Received: June 26, 2022
Revised: September 23, 2022
Accepted: October 21, 2022
Published: December 15, 2022

✉ Contact

Mohammad Zaini bin Yahaya
(Corresponding Author)
zainiyahya@ukm.edu.my

Citation

Mohd Faizal Noor bin Ariffin et al. 2022. Sinergi Wakaf, Pendidikan dan Teknologi di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 7(2): 43-53.

Copyright

© 2022 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENGENALAN

Pendidikan berkualiti sepanjang hayat pada kos mampu milik adalah hak asasi manusia yang bersifat universal dan menepati prinsip pendemokrasian pendidikan. Secara ringkasnya pendidikan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) ialah amalan didikan, latihan atau ajaran. Antara definisi pendidikan ialah proses menerima atau memberi pengajaran bersistematik terutama di sekolah atau universiti. Ia melibatkan pencarian ilmu atau kemahiran melalui pembelajaran, pengalaman atau pengajaran. Proses ini berlangsung sepanjang hayat sama ada secara formal atau tidak (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization; UNESCO, 2019). Kebijakan, ilmu pengetahuan, nilai murni, kemahiran, kepakaran, intelektual, kemajuan diri dan persekolahan antara inti pati kepada pendidikan. Atas asas kepentingan pendidikan dalam kehidupan manusia, pendidikan wujud dalam pelbagai statut perundangan yang signifikan di peringkat antarabangsa dan nasional.

Sebagai contoh Artikel 26 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 menyatakan setiap orang berhak mendapatkan pendidikan yang dapat membentuk personaliti dan membina masyarakat yang kaya dengan nilai positif seperti toleransi. Bahkan pendidikan asas patut diberikan percuma dan ibu bapa boleh memilih pendidikan yang sesuai untuk anak-anak mereka. Deklarasi ini menjadi rujukan dan asas penting kepada negara-negara dalam hal berkaitan hak asasi manusia serta untuk menggubal undang-undang. Selain itu, pelbagai perjanjian antarabangsa tentang hak asasi manusia menyentuh hak berpendidikan seperti *Convention against Discrimination in Education 1960 (CADE)*, *the International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights 1966 (ICESCR)*, *the Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women 1979 (CEDAW)* dan *the Convention on the Rights of the Child 1989 (CRC)* (UNESCO, 2019).

Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan Malaysia pula menyebut setiap rakyat berhak mendapatkan pendidikan tanpa diskriminasi berdasarkan anutan agama, bangsa, keturunan atau tempat lahir. Kenyataan ini dikukuhkan lagi dengan peruntukan dalam Subseksyen 29A (1), (2), (3) dan (4) Akta Pendidikan 1996 berkenaan tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak untuk mendapatkan pendidikan rendah selama enam tahun. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga mengeluarkan surat pekeliling bagi memastikan perkara ini dilaksanakan iaitu Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2002: Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah 2003 bertarikh 27 November 2002. Mulai 1 Januari 2003 semua ibu bapa wajib mendaftarkan anak yang berumur enam

tahun ke sekolah rendah. Jika gagal, ibu bapa boleh dikenakan hukuman penjara dan denda. Ini jelas menunjukkan kepentingan pendidikan dan kesungguhan kerajaan memastikan rakyat mendapat pendidikan tanpa kecuali.

Di sebalik kepentingan pendidikan, terdapat juga pelbagai isu kritikal bagi memastikan operasi atau pelaksanaan pendidikan berjalan dengan mematuhi standard hak asasi sejagat, lancar, berkualiti serta mencapai matlamat umum iaitu melahirkan insan yang berilmu serta memiliki nilai-nilai murni. Antara isu penting tersebut ialah dana bagi menampung semua kos pendidikan (UNESCO, 2019). Sememangnya menjadi tanggungjawab kerajaan bagi menyediakan peruntukan kewangan dalam bajet negara untuk pendidikan. Di Malaysia, peruntukan untuk pendidikan dalam bajet negara adalah antara yang terbesar. Contohnya Bajet 2019 RM60.2B, Bajet 2020 RM64.1B dan Bajet 2021 RM50.4B (rujuk Ucapan Bajet 2019, 2020 dan 2021 terbitan Kementerian Kewangan Malaysia).

Tetapi ia bukan suatu jaminan perbelanjaan tersebut mencukupi untuk membiayai seluruh operasi dan pembangunan pendidikan dalam negara secara berterusan. Lebih-lebih lagi di era kecanggihan ini yang turut menuntut pembangunan pendidikan melibatkan penggunaan teknologi pembelajaran terkini seperti peralatan, perisian, komputer, internet dan sebagainya. Sudah tentu dana berkapasiti mega diperlukan secara lestari untuk memenuhi segala kos terbabit. Oleh itu, sebagai satu strategi jangka panjang untuk keutuhan pembiayaan pendidikan di semua peringkat dan sektor, wajar diusahakan satu instrumen kewangan yang inklusif dan progresif. Antara alternatif yang boleh diangkat ialah wakaf pendidikan. Ini kerana, pembiayaan pendidikan melalui wakaf yang juga berkaitan dengan derma (*endowment*), amanah (*trust*) serta yayasan (*foundation*) adalah cemerlang dan terkenal sejak dahulu di timur dan barat (Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda, 2014). Berasaskan situasi tersebut, artikel ini bertujuan meninjau kebolehlaksanaan wakaf sebagai dana alternatif dan sokongan untuk pembiayaan pendidikan peringkat sekolah di Malaysia khususnya bagi menampung kos pembangunan material seiring kecanggihan teknologi pendidikan. Tinjauan secara analitikal dilakukan terhadap bahan-bahan ilmiah seperti artikel, buku serta laporan berkaitan konsep dan amalan wakaf pendidikan khususnya di Malaysia. Semua fakta dan data yang telah diperoleh dirumuskan dengan cara induktif dan deskriptif dari aspek kebolehlaksanaan wakaf pendidikan sebagai satu instrumen kewangan bagi menyokong secara lestari pembiayaan pembelajaran berasaskan teknologi semasa bagi peringkat sekolah di Malaysia.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Artikel ini bertujuan meneliti kebolehlaksanaan wakaf pendidikan di sekolah-sekolah KPM khususnya bagi membiayai kos penggunaan teknologi untuk pendidikan. Maka pendekatan kualitatif sesuai digunakan untuk memahai isu ini secara mendalam. Ini kerana kajian kualitatif merupakan satu pendekatan untuk meneroka dan memahami makna yang disifatkan oleh seorang atau sekumpulan individu tentang sesuatu masalah berkaitan kemanusiaan atau sosial (Creswell, 2014). Secara ringkas, kualitatif adalah sesuatu yang berdasarkan kualiti atau mutu dan bukan kuantiti (kuantitatif) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Perbezaan penting antara kualitatif dan kuantitatif ialah kajian kualitatif berasaskan perkataan manakala kuantitatif berasaskan nombor. Kajian kualitatif juga merupakan satu kaedah akademik untuk meneliti cara manusia menginterpretasi pengalaman dan membina kehidupan seterusnya menambah erti kepada pengalaman itu (Merriam, 2009).

Reka bentuk kajian ialah analisis kandungan. Analisis kandungan ialah satu bentuk analisis pelbagai dokumen dengan prosedur yang sistematik bagi menerangkan kandungan sesuatu komunikasi yang berlaku. Fokus analisis kandungan adalah mengukur kekerapan dan kepelbagaian mesej bagi mengesahkan hipotesis tertentu (Merriam, 2009).

Manakala metode kutipan data pula ialah analisis dokumen. Analisis dokumen merupakan bahagian daripada metode kutipan data penyelidikan analisis kandungan dalam bentuk huraian objektif kepada mesej komunikasi sama ada yang bercetak, disiarkan atau digambarkan. Mesej tersebut boleh didengar, diperolehi dan dilihat melalui kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema atau apa sahaja mesej yang dikomunikasikan (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Antara dokumen yang digunakan ialah artikel jurnal, buku, laporan, prosiding, akhbar dan laman sesawang. Semua data yang telah dikumpul dianalisis secara deskriptif dan induktif.

Deskriptif ialah proses memberikan keterangan (deskripsi) untuk menyampaikan gambaran mental tentang sesuatu yang dialami (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Huraian dan penjelasan dinyatakan bagi menafsir serta memahami sesuatu fenomena yang berlaku. Tinjauan ke atas setiap dokumen akan dirumuskan kesemua dapattannya yang berkaitan dan direkodkan secara sistematik (Bloomberg & Volpe, 2019).

Induktif pula bermaksud berkaitan atau menggunakan induksi iaitu proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum (bersifat umum) daripada fakta atau maklumat yang bersifat khusus (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Pendekatan induktif terdiri daripada tindakan mengutip dan menafsir maklumat untuk dibuat kesimpulan atau generalisasi. Induktif dimulai dengan contoh yang khusus, diikuti dengan pemerhatian, kajian, tafsiran atau mengenal pasti dan dirumuskan

dengan membuat generalisasi (kesimpulan) (Mok, 2008). Dapat difahami bahawa induktif adalah pendekatan yang bermula dengan pernyataan khusus kepada kesimpulan umum, ini merupakan pendekatan yang berlawanan dengan pendekatan deduktif.

Secara ringkasnya, penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Data dikumpul menggunakan analisis dokumen. Data yang dikutip dianalisis secara deskriptif dan induktif.

TINJAUAN LITERATUR

Dari sudut etimologi, wakaf merupakan kata serapan daripada bahasa Arab iaitu *al-waqf*. Perkataan *al-waqf* adalah dalam kategori *masdar* (kata terbitan) tetapi berfungsi sebagai *maf'ul bih* (kata objek yang diperlukan oleh kata kerja transitif) yang bermaksud objek yang diwakafkan (Ibn Bayyah, 2018; al-Khathlan, 2017). Al-Fayruz Abadi menyatakan wakaf dari sudut bahasa bermaksud *al-habs* (menahan), *al-tasbil* (menyalurkan) dan *al-man'* (menegah) (Abduh, 2015). Makna-makna ini sesuai dengan konsep wakaf menurut penggunaannya dalam istilah Syarak. Dumayriyyah (2017) telah meneliti definisi wakaf dari sudut istilah dalam kalangan para *fuqaha'* (ahli fiqh). Beliau menyimpulkan terdapat pelbagai definisi dalam variasi berbeza yang dikemukakan oleh fuqaha' berdasarkan teori fiqh yang mendasari hukum wakaf dari sudut sifat wakaf, kesan dan syaratnya. Namun, beliau berpandangan semuanya sepakat bahawa konsep wakaf ialah "menahan asal (harta wakaf) dan menyalurkan manfaat (kepada penerima wakaf).

Perkataan wakaf turut digunakan dalam Bahasa Melayu yang merupakan kata serapan Bahasa Arab, kerana maksud yang diberikan menggambarkan makna wakaf dari segi syarak iaitu sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai sebagai derma atau sesuatu yang diberikan atau diuntukkan bagi keperluan dan sebagainya yang berkaitan dengan agama Islam seperti telaga wakaf untuk kegunaan orang ramai atau tanah wakaf untuk pembinaan masjid (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Dari segi amalan undang-undang Syariah di Malaysia atau secara umum disebut enakmen yang berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, wakaf turut ditakrifkan. Sebagai contoh, takrif wakaf yang telah diberikan ialah menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208) (Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999). Secara ringkasnya, dari pelbagai sudut maksud yang diberikan sama ada bahasa, istilah fiqh atau undang-undang, wakaf dapat difahami sebagai amalan menyedekahkan harta tertentu milik seseorang di jalan Allah SWT secara kekal iaitu terhenti pemilikan pemilik harta ke atas harta tersebut untuk digunakan

manfaatnya secara berterusan oleh penerima manfaat wakaf tanpa menjejaskan fizikal harta tersebut yang bertujuan mendekatkan diri pewakaf dengan Allah SWT. Sumber harta, tujuan dan proses pewakafan juga mestilah mematuhi hukum syarak agar matlamat dan legitimasi wakaf sentiasa terpelihara.

Terdapat empat rukun yang ditetapkan hukum syarak bagi kesahihan sesuatu akad wakaf yang ingin dilaksanakan. Menurut Wahbah al-Zuhaili rukun wakaf adalah pewakaf (*waqif*), harta yang diwakafkan (*mawquf*), penerima manfaat bagi harta yang diwakafkan (*mawquf 'alaih*) dan pernyataan hasrat atau deklarasi untuk berwakaf oleh pewakaf (*sighah*) atau disebut juga sebagai *hujjah al-waqf*. Kesahihan amalan wakaf bergantung kepada penyempurnaan empat rukun tersebut. Jika semua atau salah satu daripada empat rukun tersebut tidak dipenuhi maka tidak sah sesuatu amalan wakaf (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji; JAWHAR, 2018).

Apabila sesuatu perkara ditinjau dari perpektif Islam, sudah semestinya rujukan tertinggi adalah al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW. Walaupun perkataan wakaf tidak disebut secara spesifik dalam kedua-dua sumber agung tersebut, namun hukum-hakam wakaf diperinci dan disimpulkan melalui proses ijtihad oleh para ulama. Ayat-ayat al-Quran tentang seruan berinfaq dan melakukan kebaikan adalah panduan umum yang menunjukkan tentang pensyariatan wakaf. Antara contoh ayat al-Quran yang menjadi sandaran tentang wakaf ialah dalam Surah Ali Imran ayat 92 (3:92) yang bermaksud:

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

Dari sudut hadis Nabi Muhammad SAW juga, terdapat banyak hadis Nabi Muhammad SAW yang dijadikan asas dan petunjuk pensyariatan wakaf. Antara hadis yang dirujuk sebagai asas pensyariatan wakaf ialah hadis daripada Abu Hurairah RA yang bermaksud:

“Apabila mati seorang manusia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang mendoakan baginya” (Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Wasiyah, hadis no. 3084).

Klausa “sedekah jariah” yang disebutkan dalam hadis tersebut ditafsirkan oleh ulama sebagai wakaf kerana sesuai dengan konsep berterusan dan pahala berpanjangan (mengalir) walaupun setelah pewakaf meninggal dunia seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Rafi'e (Al-Khatib al-Syarbini, 2000).

Pensyariatan wakaf dalam Islam turut dirumuskan oleh para ulama berdasarkan *athar* para sahabat (perkataan dan perbuatan yang disandarkan kepada para sahabat Nabi Muhammad SAW) dan ijmak (JAWHAR, 2018). Wakaf berperanan secara signifikan dan rencam tujuan seperti membasmi

kemiskinan, kesihatan, pendidikan, rumah anak yatim, masjid, rumah perlindungan untuk golongan yang memerlukan dan sebagainya selagi dalam batasan yang diizinkan oleh syarak (Azliza Azrah Mohd Zakaria et al., 2013). Selain itu, perkembangan amalan wakaf zaman-berzaman dalam kalangan umat Islam memperlihatkan dinamika tatacara pelaksanaan wakaf seperti dari aspek tujuan, jenis harta, penerima, mekanisme, undang-undang, fatwa dan sebagainya. Wakaf pendidikan adalah salah satu produk dan manifestasi situasi progresif tersebut. Amalan wakaf pendidikan di Malaysia dihuraikan dalam penulisan ini dalam konteks dan sistem pendidikan semasa untuk meninjau isu ini dengan lebih jelas.

WAKAF PENDIDIKAN

Perbincangan dan perbahasan tentang wakaf dalam kalangan ulama dari dahulu hingga kini sangat panjang serta terperinci merangkumi pelbagai subjek serta isu seperti takrif, rukun, syarat, jenis, dalil pensyariatan, hukum dan sebagainya. Perubahan zaman juga mendorong kajian, penulisan, fatwa dan perundangan pemerintah berkaitan wakaf terus berlaku. Semua tindakan konstruktif tersebut boleh merangsang wakaf menjadi malar relevan sebagai salah satu dana yang penting untuk pembangunan umat Islam bagi pelbagai tujuan. Menurut Monzer Kahf ada tiga tujuan utama berwakaf iaitu keagamaan (*religious*), kekeluargaan (*family*) dan kebajikan (*philanthropic*) (Azliza Azrah Mohd Zakaria et al., 2013; Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda, 2014). Sejak dahulu, wakaf dilaksanakan dalam beberapa bidang kemasyarakatan seperti keagamaan, pendidikan, kemudahan umum, pertanian dan sebagainya (Siti Mashitoh Mahmood et al., 2017). Secara tidak langsung situasi ini menunjukkan keanjalan dalam pelaksanaan wakaf. Dengan itu juga lahirnya wakaf yang bervariasi dan bersifat kontemporari seperti wakaf tunai, wakaf saham, wakaf korporat, wakaf pendidikan, wakaf kesihatan, wakaf kepakaran dan sebagainya. Usaha ini juga mungkin didorong oleh kajian terperinci terhadap tujuan berwakaf, harta yang boleh diwakafkan serta golongan yang boleh menerima manfaat wakaf di samping pengeluaran fatwa dan keputusan pemerintah umat Islam dari semasa ke semasa.

Salah satu wakaf yang telah diamalkan ialah wakaf pendidikan. Secara umumnya wakaf pendidikan ialah semua bentuk material berharga sama ada harta, barangan, aset atau tunai yang diinfakkan atas niat wakaf kepada sesebuah institusi atau sektor berkaitan pendidikan secara konsisten atau tidak bagi maksud kegunaan dan faedah orang ramai. Tujuan utama wakaf pendidikan ialah usaha berterusan untuk membangunkan ekonomi bidang pendidikan seterusnya menjana sumber kewangan yang produktif supaya tidak mengharapkan sepenuhnya peruntukan kerajaan (Raja Nor Ashikin Raja Ramli & Nor 'Adha Abd Hamid, 2014). Di Malaysia khususnya di Semenanjung Malaysia atau

dahulu dikenali sebagai Tanah Melayu, wakaf dipercayai telah diamalkan sejak kedatangan Islam termasuk wakaf untuk pendidikan. Dana wakaf digunakan untuk penubuhan institusi pendidikan Islam seperti pondok, madrasah, Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN). Antara perkara yang dibiayai ialah pembinaan asrama, biasiswa, saraan, kitab dan alat pembelajaran (Mohd Syakir Mohd Taib et al., 2017). Pada masa itu, warga kampung bergotong-royong untuk mendirikan struktur asas pondok. Mereka juga menyumbang dengan cara berwakaf. Amalan tersebut mencetuskan rasa cinta dan sanjungan kepada pendidikan Islam di pondok (Jasni Sulong, 2015). Ini menunjukkan wakaf pendidikan di Malaysia telah berakar umbi sejak dahulu bertujuan menyokong kelestarian operasi pendidikan dan dakwah Islam. Wakaf telah terbukti mampu membiayai pelbagai urusan umat Islam bagi tempoh masa yang sangat panjang iaitu sejak zaman Nabi Muhammad SAW hingga kini. Oleh itu, kehadiran wakaf khususnya untuk pendidikan wajar diberikan perhatian serius oleh semua pihak kerana ilmu pengetahuan adalah pemangkin kemajuan umat Islam dalam pelbagai bidang kehidupan.

Untuk rekod, wakaf pendidikan terus mara dan berkembang bermula pendidikan tradisi ke peringkat institusi pengajian tinggi (IPT). Kini, beberapa universiti awam dan swasta telah menubuhkan dana wakaf sendiri dengan pelbagai nama, tujuan pembiayaan, model dan struktur organisasi. Usaha ini adalah satu tindakan progresif IPT bagi mencari dana alternatif selain peruntukan kerajaan dan kutipan yuran pelajar. Idea ini juga telah dilontarkan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia pada tahun 2016. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) adalah IPT pertama yang mengadakan dana wakaf dengan nama *Islamic Endowment* (pada tahun 1999). Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menubuhkan unit wakaf pada tahun 2010 yang berdaftar dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Setahun selepas itu (2011), Universiti Putra Malaysia (UPM) pula membentuk entiti wakafnya. Selanjutnya, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) turut menubuhkan Pusat pembiayaan dan Pembangunan Wakaf pada tahun 2013 (Maffuza Salleh & Noor Syahida Abdul Rahman, 2014; Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda, 2014). Dengan ini, secara tidak langsung kedudukan wakaf pendidikan di Malaysia dapat dipertingkatkan dan diperkasakan. Selain itu, ia juga mampu membuka ruang dan peluang kepada institusi pendidikan yang lain seperti sekolah di bawah KPM melaksanakan wakaf dengan cara berkongsi pengalaman, model, maklumat dan hasil penyelidikan.

PENDIDIKAN DAN TEKNOLOGI

Pada tahun 2020, seluruh dunia termasuk Malaysia berhadapan pelbagai cabaran seperti wabak *Covid-19* yang akhirnya diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) sebagai pandemik pada 11

Mac 2020, kemelesatan ekonomi dan ketidakpastian politik. Ancaman terbesar masa kini adalah penularan wabak *Covid-19* yang masih belum menunjukkan tanda-tanda akan berakhir dalam waktu terdekat. Oleh itu, semua negara telah mengambil langkah responsif kepada satu gaya hidup baru dengan membudayakan norma baharu dan prosedur operasi standard (*standard operating procedure: SOP*). Bidang pendidikan turut menerima impak besar sehingga institusi pendidikan terpaksa ditutup. Pembelajaran alternatif secara jarak jauh (*remote learning*) dijalankan antaranya secara dalam talian, menggunakan media sosial dan siaran tv. Namun terdapat beberapa kekangan yang menjejaskan proses pembelajaran seperti ketidakmampuan keluarga menyediakan gajet dan talian internet serta masih ada kawasan yang tidak mendapat capaian internet terutama di pedalaman. Oleh itu, timbul pelbagai cadangan untuk menangani masalah tersebut seperti memperkenalkan wakaf komputer dan telefon pintar bagi mengumpul dana seterusnya dapat menyokong kelancaran pembelajaran para pelajar di seluruh negara. Daripada situasi ini beberapa perkara penting boleh dirumuskan iaitu kepentingan pembelajaran berasaskan teknologi, peranan besar wakaf pendidikan serta kesiapsediaan pengendali pendidikan menghadapi sebarang bentuk perubahan dan ancaman. Kombinasi konstruktif antara wakaf pendidikan dan teknologi dapat membentuk satu momentum bersepadu bagi mempertingkatkan lagi proses pembelajaran di era kecanggihan ini.

Telah muncul banyak agenda kemajuan yang menuntut kesediaan rapi semua pihak seperti Pendidikan Abad ke-21 (PAK 21), *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)*, *Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0)*, *Artificial Intelligence (AI)*, *Internet of Things (IoT)*, *Big Data* (data raya) dan sebagainya. Kemajuan akan terus berlaku dan mustahil dihalang, manusia mesti bersedia menyerap perubahan drastik dalam segenap aspek termasuk pendidikan agar semua urusan kehidupan sentiasa berjalan dengan lancar. Kehadiran teknologi dalam pendidikan mampu menjadikan suasana pembelajaran lebih menarik di samping menyuburkan daya kreatif, intelektual dan motivasi. Kewujudan ribuan laman sesawang berinfomatif juga sangat bermanfaat untuk para pelajar. Situasi ini bukan bertujuan menjejaskan kandungan pembelajaran namun sebagai peransang minat pelajar. Ini kerana Sains dan teknologi bersifat futuristik-pragmatik boleh membentuk masyarakat yang kaya ilmu Sains seterusnya aktif menghasilkan aplikasi berteknologi (Adlina Abdul Khalil et al., 2020). Di satu sudut, kajian menunjukkan pembelajaran menggunakan komputer mempunyai beberapa keistimewaan berbanding kaedah lain. Antara kelebihan tersebut ialah hubungan secara interaktif yang dapat meningkatkan inspirasi dan minat pelajar. Komputer juga mempunyai keupayaan pengulangan yang dapat mengukuhkan kefahaman dan memori pelajar. Selain itu, komputer juga boleh memberikan

respon segera dan penguahan positif yang akan memotivasikan pelajar (Abdul Wahab Ismail Gani et al., 2006).

Sinergi antara wakaf dan teknologi pendidikan sebenarnya telah pun digerakkan. Beberapa projek wakaf untuk pembelajaran berasaskan teknologi telah diusahakan oleh IPT. Wakaf pendidikan termasuk untuk elemen teknologi turut dilaksanakan di luar negara. Sebagai di Abant Izzet Baysal University, Turki. Walaupun ia adalah universiti negeri, beberapa keperluan universiti dibiayai oleh dana wakaf di samping peruntukan kerajaan seperti infrastruktur, sistem teknologi dan peralatan. Abant Izzet Baysal adalah penyumbang dana utama kepada universiti. Bagi kelangsungan dana wakaf, pihak universiti menjalankan perniagaan seperti tempat letak kereta dan khidmat komuniti dalam kampus. Dana wakaf yang diperoleh digunakan untuk biasiswa, geran penyelidikan dan pengurusan sistem keselamatan (Dzuljastri Abdul Razak et al, 2016).

Di Malaysia, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat Dan Endowmen (WAZAN), UPM adalah antara badan wakaf IPT yang aktif dengan pelbagai idea dan program pewakafan. Sebagai contoh pada tahun 2017, WAZAN dan Fakulti Sains Komputer UPM telah membangunkan satu aplikasi telefon pintar yang dinamakan Wakaf Suara atau Buku Audio. Aplikasi tersebut membolehkan orang ramai berwakaf dengan cara merakam suara bacaan sebarang buku yang akan dimanfaatkan oleh para pelajar buta untuk pengajian mereka. Selain itu, WAZAN membeli perisian JAWS iaitu satu perisian yang membantu golongan buta untuk mengakses komputer (WAZAN, 2017). Pada tahun 2018, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menggunakan sebahagian dana zakat dan wakaf serta sumbangan dari Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) untuk memberikan bantuan komputer termasuk pelbagai bantuan lain kepada para pelajar yang tidak berkemampuan (rujuk laman sesawang UniSZA).

Menjelang tahun 2020, disebabkan ancaman penularan wabak *Covid-19*, arahan pembelajaran alternatif dari rumah dilaksanakan oleh kerajaan kerana institusi pendidikan terpaksa ditutup. Namun, tidak semua keluarga mampu menyediakan kemudahan pembelajaran seperti komputer, telefon pintar, talian internet dan sebagainya. Oleh itu, Ikatan Guru-guru Muslim Malaysia (iGuru) mencadangkan kerajaan memperkenalkan Skim Wakaf Telefon Pintar bagi membantu pelajar tidak berkemampuan. iGuru turut mengesyorkan agar siaran tv pendidikan dan radio pendidikan dipertingkatkan. Dengan adanya bantuan gajet dan teknologi pembelajaran, semua murid diharap boleh mengikuti pembelajaran tanpa gagal seterusnya dapat mengurangkan jurang atau keciciran terutama di kawasan pedalaman (Malaysiakini, 2020). Kesemua tindakan tersebut menunjukkan peranan wakaf pendidikan amat signifikan dalam membiayai operasi pendidikan termasuk melibatkan penggunaan teknologi. Wakaf

juga boleh dimanfaatkan oleh semua golongan termasuk orang kurang upaya (OKU).

Komitmen kerajaan khususnya KPM menerapkan elemen teknologi dalam pembelajaran di Malaysia bukan sesuatu yang baru atau asing. Contohnya, terdapat satu jabatan khas di KPM yang bertanggungjawab dalam hal ehwal teknologi pendidikan iaitu Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP). Antara fungsi Bahagian ini ialah merancang, memantau, menilai, mengurus menyelaraskan, melaksana dan membudayakan semua perkara berkaitan teknologi pendidikan di sekolah-sekolah KPM (KPM, 2019). Seawal tahun 1972 lagi, KPM (di bawah kendalian Bahagian Teknologi Pendidikan; BTP) telah memperkenalkan siaran TV Pendidikan (TVP) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia Kedua. Ia bermula di sekolah rendah dan menengah Semenanjung Malaysia dengan merangkumi subjek Tata Rakyat, bahasa, Sains dan ilmu hisab (Perpustakaan Negara Malaysia, 2001). Kini TVP (Didik TV KPM) juga menjadi salah satu medium pembelajaran murid di waktu sekolah ditutup semasa wabak *Covid-19*. Kini, TVP juga telah dinaik taraf menjadi tv internet (lihat <http://eduwebtv.moe.edu.my/>).

Dalam pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pula diperkenalkan subjek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) untuk murid Tahap 2 (Tahun 4 hingga 6). Usaha ini bermatlamatkan supaya murid menguasai pengetahuan dan kemahiran berkaitan ilmu TMK, menyuburkan kreativiti dan menjadikan pembelajaran lebih menarik (KPM, 2014). Selain itu, pelajar boleh membaca buku teks dalam bentuk digital di portal internet sebagai alternatif buku teks bercetak sedia ada (lihat <https://bukuteksdigital.my/>). Program pembelajaran melalui TV turut diperluaskan kepada Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Ia adalah kerjasama antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan TV Al-Hijrah. Ini disebabkan, pelaksanaan KAFA turut ditangguhkan akibat *Covid-19*. Siri pembelajaran tersebut disiarkan pada setiap hari sebanyak tiga kali siaran. Tajuk meliputi semua bidang Pendidikan Islam seperti aqidah, ibadah, sirah dan jawi untuk murid Tahun 1 hingga 6 secara bergilir mengikut jadual yang telah disusun. Ini adalah usaha kerajaan bagi membantu murid terutama dari keluarga kurang berkemampuan untuk mengikuti pembelajaran sebagai alternatif kepada penggunaan internet (alhijrahnews.com). Terbukti gaya pembelajaran berasaskan teknologi dititikberatkan oleh kerajaan dengan sokongan pelbagai pihak bagi memajukan lagi pendidikan di Malaysia.

Selain itu, penyelidikan dan lontaran idea berterusan oleh para pakar pelbagai bidang ilmu juga penting untuk melonjakkan potensi wakaf. Sebagai contoh, Ismail Omar seorang pakar dalam bidang hartanah wakaf dari sebuah IPT mencadangkan wakaf bekalan elektrik. Idea ini jika dilaksanakan dengan baik boleh mengurangkan semua kos berkaitan

pembekalan tenaga elektrik seterusnya dapat menawarkan harga tenaga yang lebih murah kepada pengguna. Dana wakaf tunai untuk bekalan elektrik boleh dikumpul daripada pelbagai pihak seperti kerajaan (*waqf irsod*), agensi dan orang ramai. Dana terkumpul akan digunakan untuk pembelian peralatan dan hartanah berkaitan. Di samping itu, dana juga boleh digunakan untuk pembelian peralatan penjaan tenaga alternatif seperti solar dan angin. Kemudahan ini boleh dimanfaatkan oleh institusi pendidikan dan masjid. Namun, terdapat kekangan untuk menjayakan misi ini antaranya kefahaman masyarakat yang masih rendah terhadap wakaf. Oleh itu, usaha yang giat perlu dijalankan untuk meningkatkan pengetahuan awam terutamanya oleh pihak berkuasa agama negeri kerana Hal Ehwal Islam adalah kuasa kerajaan negeri (Ismail Omar, 2021). Dana ini juga boleh dimanfaatkan untuk membantu penyediaan bekalan elektrik 24 jam yang stabil di sekolah-sekolah pedalaman yang masih belum ada bekalan elektrik. Bekalan elektrik adalah sangat penting jika ingin melaksanakan pembelajaran berasaskan teknologi seperti untuk penggunaan komputer, sambungan talian internet, tontonan siaran TVP, perhubungan alat komunikasi dan sebagainya.

Jelas bahawa pelbagai usaha giat telah, sedang dan akan dijalankan kerajaan untuk memajukan pendidikan di Malaysia termasuk yang berasaskan penggunaan teknologi pembelajaran terkini. Walaupun mungkin terdapat kelemahan dan kekurangan dari segi pelaksanaan, namun kesungguhan ke arah kemajuan tidak boleh dinafikan. Jika wujudnya dana wakaf, ia dapat membantu usaha murni tersebut berjalan dengan lebih lancar dan stabil. Wakaf pendidikan boleh menambah nilai untuk operasi pendidikan terutama dari aspek penggunaan teknologi. Dana wakaf juga dapat menyokong peruntukan kerajaan sedia ada dan bukan sebagai pencabar. Ketidaktentuan ekonomi negara dan global secara langsung atau tidak akan memberi kesan kepada sumber kewangan sektor pendidikan dalam bajet negara. Apa yang pasti, tidak semua perkara dalam pendidikan dapat dibiayai selamanya dengan dana kerajaan semata-mata walaupun peruntukkan untuk pendidikan adalah antara yang terbesar.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Setiap insan berhak mendapatkan pendidikan untuk kemajuan diri bahkan pendidikan adalah hak asasi manusia sejagat. Antara aspek yang perlu diberi perhatian khusus untuk memajukan pendidikan di sesebuah negara ialah penyediaan dana yang mapan agar misi besar ini tidak tergendala. Sememangnya kerajaan bertanggungjawab menyediakan pendidikan sepanjang hayat yang berkualiti untuk rakyat, tetapi tugas ini juga wajar dipikul secara bersama oleh pelbagai pihak sama ada swasta, rakyat, pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya. Oleh itu, wakaf pendidikan boleh menjadi sumber kewangan alternatif dan wajar terus diperkasakan kerana perbelanjaan

untuk pendidikan semakin meningkat khususnya di zaman berasaskan teknologi ini. Di Malaysia, wakaf pendidikan telah dilaksanakan di institusi pendidikan Islam persendirian sejak dahulu lagi. Kini, IPT juga telah menyahut seruan kerajaan untuk mewujudkan dana wakaf supaya tidak bergantung sepenuhnya dan selamanya dengan sumber sedia ada. Usaha tersebut wajar dijadikan contoh oleh institusi pendidikan yang lain termasuk peringkat sekolah. Pengalaman dan kepakaran yang dimiliki oleh IPT dalam amalan wakaf boleh dikongsi dan dimanfaatkan secara optimum. Perbincangan, penyelidikan akademik, kursus dan kerjasama strategik juga wajar dilakukan. Untuk itu, KPM telah berbincang dengan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) untuk menubuhkan Tabung Wakaf Pendidikan Negara (berdasarkan maklumat daripada JAWHAR dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)).

Sumbangan awam untuk institusi KPM sebenarnya telah bermula dengan pelbagai program seperti sumbangan untuk dana Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Akaun SUWA (sumbangan wang awam) sekolah, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan terbaru Akaun Amanah Tabung Penyelenggaraan Sekolah Kerajaan Dan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (untuk maklumat lanjut rujuk laman sesawang KPM). Dengan penubuhan wakaf pendidikan untuk sekolah-sekolah di bawah KPM, dana boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan elemen teknologi dalam pendidikan seperti menaik taraf makmal komputer, memberikan bantuan komputer riba atau telefon pintar untuk murid yang tidak berkemampuan, mempertingkatkan kualiti talian internet di sekolah, mewujudkan pelbagai program pembelajaran berasaskan digital dan sebagainya. Agihan dana berdasarkan prioriti juga boleh dilaksanakan seperti untuk sekolah luar bandar dan untuk murid berkeperluan khas. Ini kerana, kebanyakan sekolah di luar bandar masih ketinggalan dari segi infrastruktur (Kamaruzaman Moidunny et al., 2019).

Namun, untuk melaksanakan wakaf di sekolah milik KPM terdapat beberapa kekangan. Kekangan tersebut wujud dalam beberapa aspek. Kekangan-kekangan tersebut ditunjukkan seperti dalam jadual 1.0.

Jadual 1.0: Kekangan pelaksanaan wakaf di sekolah milik KPM

| Kekangan | Contoh Kajian |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> Undang-undang; Sekolah milik kerajaan persekutuan di bawah KPM sedangkan wakaf adalah kuasa kerajaan negeri di bawah MAIN dan pemusatan kuasa berkaitan wakaf kepada MAIN. Isu pengurusan: Kepakaran, | <ul style="list-style-type: none"> Kajian oleh Suziana Mohamed Nor & Romzie Rosman. (2017) bertajuk Cabaran dalam melaksanakan wakaf pendidikan bagi institusi pengajian tinggi di Malaysia. Kajian oleh Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman dan Azizi Che Seman (2018) bertajuk |

| | |
|--|---|
| <p>dokumentasi dan dana pembangunan harta wakaf .</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesedaran masyarakat tentang wakaf pendidikan yang masih rendah. | <p>Cabaran pelaksanaan wakaf universiti awam di Malaysia: Analisis menurut perundangan di Malaysia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kajian oleh Rohayati Hussin dan Rusnadewi Abdul Rashid. (2018) bertajuk • Pelaksanaan wakaf di universiti awam: Cabaran dan cadangan penambahbaikan. |
|--|---|

Dalam pada itu, kewujudan kekangan-kekangan tersebut tidak bermaksud manafikan secara mutlak ruang atau peluang untuk melaksanakan wakaf di sekolah milik KPM. Berdasarkan kajian lepas dan pelaksanaan semasa wakaf di institusi pendidikan yang lain, didapati masih ada ruang pelaksanaan wakaf untuk peringkat sekolah seperti ditunjukkan dalam jadual 2.0.

Jadual 2.0: Peluang-peluang untuk pelaksanaan wakaf di sekolah milik KPM

| Bil. | Peluang | Contoh Rujukan |
|------|--|--|
| 1 | Melantik KPM sebagai <i>mutawalli</i> khas | Kajian oleh Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman dan Azizi Che Seman (2018) bertajuk Cabaran pelaksanaan wakaf universiti awam di Malaysia: Analisis menurut perundangan di Malaysia. |
| 2 | Merujuk Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan (PPWIP) sebagai panduan untuk proses penubuhan dan operasi wakaf | Terbitan JAWHAR (2018) |
| 3 | Mencontohi pelaksanaan wakaf di IPTA yang merupakan institusi pendidikan milik kerajaan | Rujuk bab wakaf dalam <i>University Transformation Programme, Purple Book</i> terbitan KPT (2016) |

Walaupun wakaf mempunyai banyak kelebihan, namun dari segi realiti dan amalan mengurus serta memajukan wakaf bukan suatu tugas yang mudah. Pelbagai cabaran, kekangan, masalah dan kerumitan akan dihadapi oleh para *mutawalli* (pengurus wakaf). Ahmad Zaki Abd Latiff et al. (2008) merumuskan, terdapat lima aspek kesulitan dalam menjalankan wakaf di institusi pendidikan iaitu pentadbiran, kewangan, pengajar, maklumat dan pemasaran. Muhamad Don dan Bahrom (t.t) pula menyatakan tiga cabaran utama wakaf pendidikan iaitu perundangan (iaitu pemusatan kuasa wakaf pada MAIN), pengurusan wakaf oleh MAIN (iaitu kekangan pihak

IPT menguruskan harta wakaf) dan pengurusan (iaitu staf, mentaliti masyarakat dan pemasaran). Selain itu, kajian Maffuza Salleh & Noor Syahida Abdul Rahman (2014) menyenaraikan lapan cabaran iaitu tahap kesedaran masyarakat masih rendah, undang-undang tidak seragam, lokasi harta wakaf tidak strategik, pencerobohan tanah wakaf, kadar sewa harta wakaf yang rendah, tanah wakaf tidak didaftarkan, belum wujud instrumen wakaf khusus dalam sistem perbankan Islam kerana kurang sambutan dan tiada pentadbiran wakaf berpusat.

Kekangan lain ialah isu undang-undang. Dalam Perlembagaan Malaysia, kuasa bidang pendidikan di bawah kerajaan persekutuan, manakala kuasa hal ehwal Islam termasuk wakaf adalah di bawah kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam Jadual Kesembilan Senarai 1 dan Senarai 2. Undang-undang juga menetapkan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) bagi harta wakaf dan semua aktiviti pewakafan adalah tertakluk kepada kuasa MAIN (contohnya seperti dalam Seksyen 61 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1993 Akta 505). Jika dilaksanakan wakaf pendidikan, mungkin akan timbul pertindihan kuasa atau konflik kepentingan antara kerajaan pusat dan negeri. Namun, setiap tribulasi yang ada perlu diperhalusi untuk dicari solusi bagi terus memperkasakan wakaf dalam semua sektor dan peringkat pendidikan di Malaysia.

Sebagai langkah awal, terdapat beberapa tindakan yang boleh diusahakan, antaranya ialah memanfaatkan peruntukan enakmen wakaf di beberapa negeri yang membenarkan MAIN melantik pihak lain sebagai *mutawalli* seperti di Selangor, Terengganu dan Perak. Selain itu, pemeringkatan kuasa pentadbiran wakaf juga boleh dilakukan dengan cara MAIN menjadi *al-Nazir* (pengawal dan pemantau) manakala pihak lain sekadar menjadi *al-Mutawalli* (pengurus) atau *al-qayyim* (perwakilan). Perkara ini telah dilakukan dalam pelaksanaan wakaf di IPT iaitu IPT hanya menguruskan kutipan, agihan dan pembangunan wakaf untuk manfaat para penerima wakaf tanpa menjejaskan kuasa MAIN (Siti Mashitoh Mahamood et al., 2018). Antara IPT yang telah dilantik sebagai *mutawalli* ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) KL pada tahun 2019 oleh MAI Wilayah Persekutuan (MAIWP) (rujuk laman sesawang UTM newshub). Cara ini boleh dijadikan asas permulaan untuk pengenalan wakaf pendidikan di peringkat sekolah.

Pelaksanaan wakaf pendidikan yang dijalankan di IPT boleh dianggap contoh yang praktikal. Satu dokumen bertulis sebagai garis panduan umum penjana pendapatan oleh IPT termasuk wakaf berjudul "*Enhancing University Income Generation, Endowment & Waqf*" telah diterbitkan pada tahun 2016 (cetakan pertama) oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Usaha ini adalah satu daripada inisiatif di bawah *University Transformation Programme, Purple Book*. Buku tersebut bertujuan menyediakan rujukan yang relevan untuk memandu semua aktiviti

penjanaan pendapatan oleh universiti (*serves as a relevant guide to navigating activities related to university income generation*). Antara fungsi buku tersebut ialah sebagai panduan untuk meningkatkan aktiviti komersial, perolehan geran, derma untuk kestabilan kewangan, membangunkan wakaf yang lestari dan pendapatan berasaskan sumbangan (Kementerian Pengajian Tinggi; KPT, 2017). Aktiviti penerbitan berkaitan wakaf pendidikan digiatkan lagi melalui pelancaran Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan (PPWIP) oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), UPM pada tahun 2018. Buku ini bertujuan menjadi rujukan formal utama berkaitan wakaf pendidikan kepada semua pihak yang berkaitan, menyelaras pelaksanaan wakaf pendidikan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), menyusun urus tadbir terbaik wakaf pendidikan dan menjadi platform kerjasama strategik semua pemegang taruh berkaitan wakaf pendidikan di Malaysia (JAWHAR, 2018). Dengan terbitnya buku-buku panduan tersebut, ia akan memudahkan para pengurus institusi pendidikan membuat rujukan dalam melaksanakan wakaf pendidikan dengan lebih sistematik serta efisien di institusi masing-masing sama ada milik kerajaan atau swasta. Secara tidak langsung, ia juga membuka ruang wakaf pendidikan diperluas dan diperkasakan.

Untuk mengharapkan manfaat wakaf yang maksimum dalam realiti semasa, para pengendali wakaf perlu lebih inovatif. Dana wakaf tidak boleh bergantung semata-mata dengan kutipan tetapi mesti dijana secara produktif untuk memperoleh sumber yang lebih besar. Cakupan agihan boleh dilebarkan ke bidang pendidikan, pelancongan, pertanian dan seterusnya dapat memajukan ekonomi umat Islam (Muhammad Sofiyuddin Zakaria & Mohd Zamro Muda, 2017). Menurut Norizan Hassan et al. (2018) terdapat beberapa komponen penting untuk kemajuan wakaf iaitu tenaga kerja, pemasaran, pentadbiran, informasi, kewangan, penyelidikan, pelaburan dan pembangunan harta wakaf. Oleh itu, kombinasi polisi kerajaan yang mesra wakaf, undang-undang yang mantap, kebijaksanaan para ilmuwan, sifat amanah dan efisien pasukan pengurus, sokongan padu masyarakat untuk menyumbang serta penyelidikan akademik yang konstruktif antara faktor penting bagi menyokong keutuhan pelaksanaan wakaf. Selain itu, suasana pembelajaran yang kondusif bagi murid dan guru amat penting untuk dibangunkan. Maka sumber kewangan yang kukuh sudah pasti diperlukan. Kajian oleh Nurazuan Razali (2013) menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara prasarana pendidikan dengan persekitaran pembelajaran. Kajian oleh Anis Salwa Abdullah dan Siti Noor Ismail (2020) pula mendapati keadaan dan lokasi bangunan sekolah sebagai salah satu varian penting dalam suasana kerja (*working environment*) yang menjadi antara komponen motivasi seseorang guru. Oleh itu, dapat difahami bahawa terdapat hubungan dan perkaitan rapat yang boleh dibina antara pendidikan, teknologi

dan wakaf. Perlu ditegaskan bahawa, wakaf adalah instrumen kehartaan yang bukan berorientasikan keuntungan tetapi satu mekanisme melakukan kebaikan untuk agama dan kemanusiaan (Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman et al. 2020). Oleh itu pengendalian wakaf di zaman yang serba kompleks ini, memerlukan tahap profesionalisme yang tinggi terutama dalam memastikan wakaf suatu yang legit dari segi hukum dan undang-undang untuk menjana keberhasilan yang produktif untuk manfaat awam (Mohd Faizal Noor Bin Ariffin et al. 2021).

KESIMPULAN

Pendidikan adalah hak asasi setiap insan yang diiktiraf sejagat untuk meningkatkan potensi diri seterusnya menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara. Sumber kewangan antara elemen terpenting bagi memastikan proses pendidikan berjalan lancar. Bagi memastikan dana pendidikan mencukupi secara lestari, beberapa sumber kewangan diperlukan dan tidak bergantung kepada peruntukan kerajaan sahaja. Antara dana alternatif yang boleh diperkenalkan ialah wakaf pendidikan. Wakaf terbukti dalam sejarah yang panjang keupayaannya membiayai bidang-bidang kebajikan dan keperluan umat termasuk pendidikan. Pendidikan juga berkembang seiring kemajuan dunia. Penerapan elemen teknologi dalam pendidikan dengan pelbagai bentuk adalah penting agar setiap generasi dapat menguasai kemahiran semasa seterusnya menjalani kehidupan dengan sebaik-baiknya serta mampu memberikan khidmat kepada semua. Kerajaan telah melakukan banyak usaha yang gigih bagi memastikan kualiti pendidikan sentiasa dipertingkatkan dan mengikut perubahan zaman. Usaha murni ini harus disokong oleh kumpulan-kumpulan lain dalam negara antaranya melalui wakaf. Sememangnya wujud kekangan dalam merealisasikan hasrat ini seperti dari aspek undang-undang dan bidang kuasa. Tetapi masih ada ruang-ruang yang boleh digunakan antaranya memanfaatkan pengalaman amalan wakaf di IPT dan melakukan kerjasama dengan MAIN. Komitmen, kebijakan dan amanah semua pemegang taruh pendidikan dan wakaf di Malaysia amat diperlukan bagi menjayakan aspirasi ini. Semua pihak juga mesti memberikan sumbangan semampu mungkin untuk menjayakan misi besar ini.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim
 ‘Abduh, M. 2015. Al-Ahdaf al-tashri’iyyah li nizam al-waqf al-Islami. *Qudus International Journal of Islamic Studies* 3(1): 100-113.
 Abdul Wahab Ismail Gani, Kamaliah Siarap & Hasrina Mustafa. 2006. Penggunaan Komputer dalam Pengajaran-pembelajaran dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah: Satu Kajian

- Kes di Pulau Pinang. *Kajian Malaysia* 25(1 & 2): 203-225.
- Adlina Abdul Khalil, Mohamad Khairi Othman & Mohd. Kasri Saidon. 2020. Memacu Pendidikan di Era Revolusi Industri 4.0: Penerapan Nilai-nilai Islam dan Inovasi dalam Pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi. *Islāmiyyāt* 42(Isu Khas): 13–20.
- Ahmad Zaki Abd. Latiff, Abdul Halim Ramli, Che Zulna Ismail, Kamarulzaman Sulaiman & Norzaidi Mohd. Daud. 2008. *Wakaf Pengurusan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan UPENA UiTM.
- Al-Hijrah On-line. 2021. *KAFA di TV Al-Hijrah akan bermula 1 Februari*. <https://alhijrahnews.com/kafa-di-tv-alhijrah-akan-bermula-1-februari/>.
- Al-Khathlan, S. I. T. 2017. *Al-Usul al-shar'iyah li ithbat al-waqf*. Riyadh: Dar al-Atlas al-Khadra'.
- Al-Khatib al-Syarbini, S. M. 2000. *Mughni Al-Muhtaj Ila Ma'rifati Ma'ani Alfazhi Al-Minhaj*. Beirut: Dar Al-Kotob Al-ilmiyah.
- Anis Salwa Abdullah & Siti Noor Ismail. 2020. A measurement Model of Teachers' Motivation Factors in primary schools. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum* 28(3): 1769–1785.
- Azliza Azrah Mohd Zakaria, Rose Ruziana Abd. Samad & Zurina Shafii. 2013. Venture Philanthropy Waqf Model: A Conceptual Study. *Jurnal Pengurusan* 38: 119–125.
- Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. <https://www.moe.gov.my/korporat/bahagian-dan-unit>.
- BH Online. 2021. *Wakaf Elektrik Tangani Kos*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentari/2021/02/782501/wakaf-elektirik-tangani-kos>
- Bloomerg, L. D. & Volpe, M. 2019. *Completing Your Qualitative Dissertation A Road Map From Beginning to End*. Los Angeles: Sage Publications Inc.
- Creswell, J. W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed methods Approaches*. Singapore: SAGE Publications Asia-Pacific Pte. Ltd.
- Dewan Undangan Negeri Selangor. 1999. *Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999*.
- Dumayriyyah, 'Uthman Jum'ah. 2017. Al-Waqf al-Ta'limi fi al-mujtama' al-Islami (atharuh wa turuq adatih wa istithmarih). *Muntada Fiqh al-Iqtisad al-Islami*, 1-63.
- Dzuljastri Abdul Razak, Nor Azizan Che Embi, Marhanum Che Mohd Salleh & Faaza Fakhrunnas. 2016. A study on sources of waqf funds for higher education in selected countries. *Adam Akademi* 6(1):113-128.
- Fantazi, K. M. 2011. *Dirasat Qanuniah fi al-Milkiyah al-Aqariyah, Uqud al-Tabarru' al-Waridah ala al-Milkiyah al-Aqariyah: Al-Waqf*. Dar Zahran.
- Hammad, N. 2011. *Mu'jam al-mustalahat al-maliyyah wa al-iqtisadiyyah fi lughah al-fuqaha'*. Damsyik: Dar Al-Kalam.
- Ibn Bayyah, A. 2018. *I'mal al-maslahah fi al-waqf*. Abu Dhabi: al-Muwatta' Center.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2018. *Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan*. Putrajaya: JAWHAR.
- Jasni Sulong. 2015. Pondok education in Seberang Perai: Its evolution and uniqueness. *Kajian Malaysia* 3(2): 75–90.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif.
- Prosiding Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 di Puteri Resort Melaka pada 28-29 Mac 2012 Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim*.
- Kamaruzaman Moidunny, Wee Eng Lee, Rosnani Kaman, Nor Laila Kuslan, Maimunah Husien, Gulson Begum Khalid & Nik Mohd Fakhrudin Nik Abd. Rahman. 2019. Amalan Kepimpinan Sekolah Rendah Pulau di Sabah: Satu Kajian Kes. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies Issue* 1(1).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1996. *Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Tahun Enam*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2002: Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah 2003 bertarikh 27 November 2002*.
- Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). 2017. *UniTP Purple Book Enhancing University Income Generation, Endowment & Waqf*. Putrajaya: KPT.
- Maffuza Salleh & Noor Syahida Abdul Rahman. 2014. Wakaf pendidikan di Malaysia: Satu tinjauan. *Proceedings International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014)*: 670-682.
- Malaysiakini. 2020. *Kesatuan guru Muslim saran KPM wujud skim wakaf telefon pintar*. <https://www.malaysiakini.com/news/520849>.
- Merriam, S. B. 2009. *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd. Ali Muhamad Don & Hasan Bahrom. t. t. *Beberapa isu berbangkit implikasi pengenalan skim wakaf untuk pendidikan tinggi di Malaysia*. <https://www.academia.edu/28713184/>.
- Mohd Faizal Noor Ariffin, Mohammad Zaini Yahaya, Abdul Basir Mohamad & Amir Fazlim Jusoh @ Yusoff. Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk

- Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Contemporary Islamic Law* 6(2): 96-104.
- Mohd Huefiros Efizi Husaina, Mohd Nasir Abd Majid & Muneer Ali bin Abdul Rab. 2017. Anjakan paradigma waqaf berasaskan prinsip masalah al-mursalah. *UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 4(3-1): 1–10.
- Mohd Syakir Mohd Taib, Wan Kamal Mujani, Noor Inayah Yaakub & Mohamad Khairul Izwan Rifin. 2017. Wakaf pendidikan di Malaysia: Suatu pengenalan. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017: 389-395.
- Mok Soon Sang. 2008. *Ilmu Pendidikan untuk KPLI*. Selangor: Kumpulan Budiman S. Bhd.
- Muhammad Sofiyuddin Zakaria & Mohd Zamro Muda. 2017. Sorotan Literatur Pelaksanaan Wakaf Tunai di Malaysia. *Islamiyyat* 39(1): 39–46.
- Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda. 2014. Pengurusan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi di Malaysia: Satu sorotan literatur. *Umran Internasional Journal of Islamic and Civilizational Studies* 1(1): 45-57.
- Norizan Hassan, Aisyah Abdul-Rahman & Zaleha Yazid. 2018. Developing a New Framework of Waqf Management. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 8(2): 287–305.
- Nurazuan Razali. 2013. *Tahap prasarana pendidikan dan persekitaran pembelajaran di sekolah menengah Daerah Kota Tinggi*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2001. *TV Pendidikan*. https://www.pnm.gov.my/yang_pertama/Kom_Tvdidik.htm.
- Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia. 2016. *Perlembagaan Persekutuan*.
- Raja Nor Ashikin Raja Ramli & Nor 'Adha Abd Hamid. 2014. Kelestarian wakaf dalam membangunkan institusi pendidikan: Kajian awal. *Proceedings International Conference on Postgraduate Research (ICPR 2014)*.
- Rohayati Hussin & Rusnadewi Abdul Rashid. Pelaksanaan wakaf di universiti awam: Cabaran dan cadangan penambahbaikan. *Voice of Academia (VOA)* 13(2): 23-34.
- Universiti Putra Malaysia (UPM). 2018. *Projek Wakaf Suara bantu golongan OKU penglihatan*. https://upm.edu.my/berita/projek_wakaf_suara_bantu_golongan_oku_penglihatan-36647.
- Sidang Pengarang. 2005. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman & Azizi Che Seman. 2018. Cabaran pelaksanaan wakaf universiti awam di Malaysia: Analisis menurut perundangan di Malaysia. *Kanun* 30(2): 383-409.
- Suziana Mohamed Nor & Romzie Rosman. 2017. Cabaran dalam melaksanakan wakaf pendidikan bagi institusi pengajian tinggi di Malaysia. *e-Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017)*.
- Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). 2018. *Bank Islam serah RM100,000 kepada Wakaf Unisza*. <https://www.unisza.edu.my/index>.
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). 2019. *Right to education handbook*. Paris: UNESCO and Right to Education Initiative.
- United Nation. 1948. *Universal Declaration of Human Rights 1948*.
- UTM Newshub. 2020. *Majlis Perasmian Pejabat Unit Dana Wakaf UTM Kuala Lumpur*. <https://news.utm.my/ms/2020/08/majlis-perasmian-pejabat-unit-dana-wakaf-utm-kuala-lumpur/>.
- Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman, Salmy Edawati Yaacob & Mohamad Sabri Harun. 2020. Pengurusan Pembangunan Portfolio Aset Wakaf: Keterdedahan Risiko dan Pengurusannya. *Journal of Contemporary Islamic Law* 5 (1): 26-36.

KANDUNGAN / CONTENTS

| | |
|--|--------|
| Perubahan Status Tanah Adat di Negeri Sembilan Menurut Perspektif Islam <i>Change Status of Customary Land in Negeri Sembilan According to Islamic Perspective</i> Mat Noor Mat Zain, Nur Amirah Azaldin & Azlin Alisa Ahmad | 1-10 |
| Status Patuh Syariah E-Money Akaun Jenama E-Wallet Popular Di Malaysia <i>Sharia Compliant Status of E-Money in Popular Malaysian E-Wallet Account</i> Khairul Azmil Md Noor & Amir Fazlim Jusoh Yusoff | 11-18 |
| Transaksi Mikro Item Permainan Atas Talian Menurut Perspektif Islam <i>Micro Transactions of Online Gaming Items According to Sharia</i> Iffah Abd Razak, Amir Fazlim Jusoh Yusoff | 19-27 |
| Konsep Pemilikan dalam Pembiayaan Perumahan dan Kenderaan berasaskan akad Ijarah di Perbankan Islam serta Kesannya Kepada Akad Hibah <i>The Concept of Ownership in House and Vehicle Financing of Islamic Banking Based on Ijarah Contract and its Effect on Hibah</i> Mohammad Syafiq Shaifuddin, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani | 28-42 |
| Sinergi Wakaf, Pendidikan dan Teknologi di Malaysia <i>The Synergy of Waqf, Education and Technology in Malaysia</i> Mohd Faizal Noor bin Ariffin, Mohammad Zaini bin Yahaya, Abdul Basir bin Mohamad, Amir Fazlim bin Jusoh Yusoff | 43-53 |
| Shari'ah Court's Decision and Respondent's View on Child Custody After Divorce in Kuala Lumpur and Selangor Akbar Kamarudin @ Abdul Shukor | 54-65 |
| Prakarsa Baitulmal dalam Menyantuni Tuntutan Harta Pusaka Mualaf oleh Waris Non Muslim Menerusi Pendekatan Siyāsah Shar'īyyah <i>Baitulmal Initiatives in Dealing With Muallaf Inheritance Claims by Non-Muslim Heirs According to Siyāsah Shari'īyyah</i> Sofiyah Mohd Suhaimin, Md Yazid Ahmad, Anwar Fakhri Omar | 66-72 |
| Perbandingan Kedudukan Haiwan Jallālah Menurut Pandangan Fuqaha Klasik dan Fatwa Semasa di Malaysia <i>Comparison of the Position of Jallālah Animals According to the Views of Classical Jurists and Current Fatwas in Malaysia</i> Kamarulzaman Mustappa, Muhammad Nazir Alias, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Sahilah Abd. Mutalib, Mohd Hafiz Safiai | 73-85 |
| Rawatan Fecal Microbiota Transplantation (FMT) Menurut Maqasid Syariah <i>Treatment of Faecal Microbiota Transplantation (FMT) Based on Maqasid Shariah</i> Nur Solihah Isa, Muhammad Nazir Alias, Mohd Al Adib Samuri, Mohd Sham Kamis | 86-93 |
| Maqasid Syariah Dalam Kecharusan Hibah Ruqba <i>Maqasid Syariah in The Necessity of Hibah Ruqba</i> Nur Safina Mohd Sharif, Noor Lizza Mohamed Said | 94-105 |

Journal of Contemporary Islamic Law

(2022)Vol. 7(2)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2022), Title, Journal of Contemporary
Islamic Law, 7(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works
3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You
are free to copy, distribute and transmit the work
under the following conditions: Attribution – you
must attribute the work in the manner specified by
the author or licensor (but not in any way that
suggests that they endorse you or your use of the
work); Noncommercial – you may not use this work
for commercial purposes; No Derivate Works – you
may not alter, transform, or build upon this work.